

30 SEP 1998

ISIS-KONGRES/I

PM AKAN ADAKAN SESI DIALOG TERBUKA DI KONGRES KEBANGSAAN

KUALA LUMPUR, 30 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan sesi dialog terbuka pada penutupan Kongres Kebangsaan mengenai Pemulihan Ekonomi pada 7 Okt ini.

Kongres itu dianjurkan bersama oleh Institut Kajian Antarabangsa dan Strategik (ISIS) dan Institut Strategik dan Kepimpinan Asean (ASLI).

Menteri Tugas-Tugas Khas Tun Daim Zainuddin dijangka akan menyampaikan ucapan di hari pembukaan pada 6 Okt ini, kata pengerusi ISIS Tan Sri Dr Noordin Sopiee di sini, hari ini.

Daim juga akan menghadiri sesi soal jawab yang akan menentukan kadar dan langkah perbincangan panel interaktif yang perlu diikuti oleh kongres itu. Kongres itu akan dihadiri oleh kira-kira 250 hingga 300 peserta tempatan daripada pelbagai agensi kerajaan dan korporat.

Penceramah lain termasuklah Gabenor Bank Negara Malaysia Tan Sri Abul Hassan Sulaiman, Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman dan Ketua Pengarah Unit Perancangan Ekonomi Datuk Dr Samsudin Hitam.

Dr Noordin berkata penganjur-penganjur percaya kongres itu akan menjadi forum penting dan bertepatan dengan masa bagi berkongsi pembangunan dan kebimbangan yang boleh membantu membentuk tindakan pemulihan.

Beliau berkata kongres itu akan mengkaji peristiwa-peristiwa utama yang berlaku kebelakangan ini dan keputusan dasar yang merubah suasana ekonomi dan korporat Malaysia.

Ia juga akan cuba mengukuh, mengembang serta merangkumi semua topik-topik yang berkaitan dengan pemulihan ekonomi negara.

Perhatian akan diberi kepada rasional dan implikasi mencapai kestabilan ringgit menerusi pengawalan modal.

Dr Noordin menyatakan sesi plano pertama kongres yang bertajuk "Menstabilkan Ringgit dan Mengawal Tukaran", akan menyediakan landasan bagi penjelasan, perbincangan dan perbahasan terhadap pengawalan seumpama itu, kemungkinan kajian untuk menghapuskan kelemahan serta langkah Malaysia untuk menetapkan ringgit pada RM3.8 berbanding dolar Amerika.

Bengkel kerja khas juga akan diadakan untuk menangani kebimbangan sektor, katanya sambil menambah sesi itu akan memberikan perkembangan terperinci tindakan dasar Pelan Pemulihan Ekonomi Negara (PPEN).

Ia juga akan cuba mendapatkan tindak balas dan cadangan tambahan bagi membantu usaha-usaha pemulihan pelbagai sektor.

Dr Noordin berkata cadangan-cadangan bagi tindakan dasar baru dijangka diperolehi daripada bengkel kerja mengenai "Pembinaan Hartanah dan Prasarana" dan "Pengeluaran".

Kongres dua hari itu bertujuan untuk menggerakkan sokongan awam terhadap PPEN, membincangkan peranan khusus kerajaan, sektor korporat, media dan kesatuan perdagangan dalam melaksanakan PPEN.

Ia juga akan membolehkan sektor swasta untuk memperolehi penjelasan lebih lanjut mengenai aspek khusus PPEN dan membina kata sepakat kebangsaan mengenai "Jalan Ke hadapan".

-- BERNAMA

ZMY ZK MA